

## HUBUNGAN ANTARA MOTIVASI PENCAPAIAN, KECERDASAN EMOSI DAN KETAHANAN DIRI DALAM KALANGAN MAHASISWA KERJA SOSIAL

(*Relationship between Achievement Motivation, Emotional Intelligence and Resilience among Social Work Students*)

Masron Mensih, Fauziah Ibrahim & Nazirah Hassan

### ABSTRAK

Motivasi, kecerdasan emosi dan ketahanan diri merupakan aspek penting untuk mempersiapkan mahasiswa kerja sosial ke arah profesion yang kompeten. Mereka berhadapan dengan cabaran kerja untuk menyelesaikan isu-isu masyarakat yang pelbagai. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti hubungan antara motivasi pencapaian, kecerdasan emosi dan ketahanan diri dalam kalangan mahasiswa kerja sosial di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kajian dijalankan secara kuantitatif dengan menggunakan reka bentuk tinjauan survei secara keratan-lintang. Seramai 124 orang mahasiswa Kerja Sosial di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM telah dipilih sebagai responden kajian. Data yang diperolehi, dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif dan inferensi. Hasil kajian mendapati majoriti mahasiswa kerja sosial di UKM adalah terdiri dari golongan belia berumur 21-23 tahun, berbangsa Melayu (94.4 peratus), memperolehi PNGK antara 3.00 hingga 3.66 (83.1 peratus) dan terdiri daripada kalangan keluarga B40 iaitu berpendapatan isi rumah sekitar RM3860 sebulan (69.4 peratus). Hasil analisis kolerasi Pearson yang dijalankan mendapat terdapat hubungan positif, sederhana dan signifikan antara motivasi pencapaian dengan kecerdasan emosi ( $r=.481$ ,  $p<0.01$ ) dan ketahanan diri ( $r=.229$ ,  $p<0.05$ ) dalam kalangan mahasiswa kerja sosial. Analisis juga mendapat terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi ( $r=.674$ ,  $p<0.01$ ) dengan ketahanan diri dalam kalangan mahasiswa kerja sosial. Hasil kajian memberi implikasi terhadap keperluan mewujudkan program-program yang boleh membantu meningkatkan motivasi, kecerdasan emosi dan ketahanan diri dalam kalangan mahasiswa kerja sosial di UKM.

**Kata kunci:** motivasi pencapaian, kecerdasan emosi, ketahanan diri, mahasiswa kerja sosial

### ABSTRACT

Motivation, emotional intelligence and resilience are important aspect of preparing social work students towards a competent profession. They are faced with working challenges to resolve various community issues. Therefore, this study was conducted to identify the relationship between achievement motivation, emotional intelligence and resilience among social work students at the Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). The study was conducted using quantitative approach through cross-sectional survey design. A total of 124 social work students from the Faculty of Social Sciences and Humanities in UKM were selected as respondents for the survey. The data obtained were analyzed using descriptive and inferential statistics. The study found that the majority of social work students in UKM is

young people aged between 21 and 23 years old, Malay (94.4 percent), reported CGPA between 3.00 and 3.66 (83.1 percent), and come from B40 income groups of average RM3860 per month (69.4 percent). Pearson correlation analysis demonstrates that there is a positive, moderate and significant relationship between achievement motivation and emotional intelligence ( $r = .481$ ,  $p <0.01$ ), and resilience ( $r = .229$ ,  $p <0.05$ ) among social work students. The analysis also reported a significant relationship between emotional intelligence ( $r = .674$ ,  $p <0.01$ ) and resilience among social work students. The findings of the study have implications for the need to develop programs to increase motivation, emotional intelligence and resilience among social work students in UKM.

**Keywords:** achievement motivation, emotional intelligence, self-resilience, social work student

## PENGENALAN

Profesional kerja sosial berhadapan dengan cabaran dalam mengurus permasalahan masyarakat dimana mereka perlu mempunyai iltizam, motivasi dan ketahanan diri yang baik untuk berhadapan dengan pelbagai isu-isu sosial masyarakat. Statistik yang dilaporkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dari tahun 2012 hingga 2016 menunjukkan wujudnya peningkatan kes setiap tahun yang perlu dikendalikan oleh pekerja sosial di unit jabatan yang melibatkan pusat jagaan (kanak-kanak, OKU dan Warga Emas), kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan, orang papa serta keganasan rumah tangga. Merujuk statistik tersebut, berlakunya peningkatan pengendalian kes oleh pekerja sosial di JKM (Nazirah, et al., 2019). Sehubungan itu, adalah perlu mahasiswa kerja sosial mempersiapkan diri dan mempamerkan motivasi, kecerdasan emosi dan ketahanan diri yang baik supaya mereka dapat melaksanakan tugas dengan kompeten, berupaya mewujudkan interaksi dan komunikasi yang berkesan serta mampu mengurus dan menyesuaikan diri dengan baik apabila berhadapan dengan tekanan kerja dan mampu menghadapi sesuatu isu dan permasalahan masyarakat dalam persekitaran sosial dengan baik (Marini & Shafrin 2019).

Mahasiswa perlu disemai dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang produktif agar mereka dapat menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan dalam masyarakat. Sebagai persediaan awal dalam menghadapi cabaran kerja dalam profesion kerja sosial khususnya yang akan berhadapan dengan klien, aspek-aspek seperti motivasi pencapaian, kecerdasan emosi dan ketahanan diri mahasiswa kerja sosial perlu diperkuatkan agar mereka berupaya berhadapan dengan sebarang permasalahan, krisis serta cabaran yang dihadapi. Menurut Nazihah, et al (2020), profesion kerja sosial merupakan kerjaya yang bertanggungjawab untuk menyampaikan perkhidmatan secara berkesan bagi memenuhi kebijakan serta meningkatkan kefungsian sosial individu dan masyarakat. Oleh itu setiap mahasiswa yang dibekalkan dengan ilmu kerja sosial perlu mempunyai motivasi, kecerdasan emosi dan ketahanan diri kerana mereka bakal mengalas tugas untuk membantu meningkatkan kefungsian dan kesejahteraan masyarakat.

Jadual 1: Statistik pengendalian kes oleh pekerja sosial di JKM

	2012	2013	2014	2015	2016
Pusat Jagaan	28,729	33,077	37,123	40,883	53,085
Kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan & perlindungan	3,831	4,119	4,295	4,453	4,982
Orang Papa	1,223	1,048	1,469	1,527	2,278
Keganasan Rumah Tangga	565	488	731	667	898

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat (2016)

## KAJIAN LEPAS

### Motivasi Pencapaian

Menurut Ryan & Deci (2000), motivasi merupakan dorongan yang menjadi penggerak seseorang untuk berusaha mencapai kejayaan. Oleh yang demikian, motivasi pencapaian merujuk kepada sesuatu kehendak dan keinginan untuk mencapai kejayaan cemerlang hasil daripada usaha melakukan sesuatu perkara (Rajesh, 2016; Fatimahwati 2012; Aimi 2015). Pengkaji terawal seperti Atkinson (1964) mentakrifkan motivasi pencapaian sebagai keupayaan dalam melakukan kesempurnaan terhadap sesuatu perkara sehingga mendatangkan kepuasaan dan perasaan bangga. Manakala Maya (2001) pula mendefinisikan motivasi pencapaian sebagai keinginan individu untuk menyempurnakan tugas yang sukar, mencapai standard piawai yang tinggi dan berjaya mengendalikan tugas tersebut dengan baik. Motivasi pencapaian yang tinggi akan mengambarkan usaha dalam mencapai tahap reputasi, kehendak penyesuaian serta penghasilan matlamat dalam tempoh masa yang lama (Azlina 2010).

### Kecerdasan Emosi

Selain motivasi pencapaian, aspek kecerdasan emosi juga merupakan suatu yang penting dan perlu diukur dalam kalangan mahasiswa kerja sosial. Salovey dan Mayer (1990) dalam Ooi Yeng Keat (2002) mentakrifkan kecerdasan emosi (EQ) merupakan kemampuan dalam memanipulasikan dan membezakan emosi diri sendiri dengan orang lain bagi memandu kognitif dan tingkah laku seseorang individu. Kecerdasan emosi merupakan kebolehan individu dalam menggambarkan persepsi, mendeskripsikan emosi, mengidentifikasi emosi dalam pemikiran, memerihalkan emosi dan mengurus emosi dalam diri individu lain (Mayer, Salovey & Caruso 2000; Amalia 2013). Manakala Nelson & Low (2003) berpendapat kecerdasan emosi merupakan satu kombinasi kecenderungan dan keupayaan untuk (i) mengenal diri dengan tepat, berasa nilai diri dan sanggup berkelakuan secara bertanggungjawab sebagai seorang yang bernilai dan bermaruah; (ii) membina dan mengekalkan berbagai perhubungan yang sihat, kuat dan berkesan; (iii) berhubung dan berkerjasama dengan baik dengan orang lain; (iv) menguruskan keperluan dan tekanan harian dengan berkesan. Menurut Goleman (1995) mendapati individu yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi akan mendorongnya untuk membina perhubungan yang baik dengan individu lain disekelilingnya secara lebih rapat. Manakala Gardner (2000) berpendapat individu yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi mempunyai ketahanan diri dan boleh mengawal perasaan dan tindakan sendiri, berupaya mengurus perasaan negatif dan mudah menjalin persahabatan dengan orang lain (Gardner, 2000).

## Ketahanan Diri

Ketahanan diri merupakan aspek penting untuk melahirkan mahasiswa yang bukan sahaja berilmu dan berakhhlak mulia malah mampu menyesuaikan diri untuk berhadapan dengan tekanan dan melawan pengaruh yang menghalang kepada kemajuan diri (Fauziah, et al, 2018). Manakala Russell & Russell (2006) dalam Siti Hajar et al. (2018) mendefinisikan ketahanan diri merupakan kemampuan dan kebolehan dalam memodifikasi dan beradaptasi dengan sesuatu keadaan atau perubahan yang menyukarkan untuk berfungsi secara normal semula selepas mengalami kerumitan atau bebanan dalam hidup seseorang individu. Wan Samhanin (2019) berpendapat bahawa ketahanan diri merupakan proses dan keupayaan untuk meningkatkan dan membangunkan diri secara positif dalam menerokai pengalaman dan peristiwa kehidupan yang sukar dan mencabar dialami oleh seseorang individu dalam peringkat usia keremajaan. Oleh yang demikian, seseorang individu yang memiliki tahap ketahanan diri yang tinggi akan menunjukkan personaliti dan tingkah laku yang baik seperti sifat kental, ketahanan diri dan harga diri yang merupakan kaedah kawalan diri yang positif (Kinman & Grant 2010). Sebaliknya, individu yang mempunyai ketahanan diri yang rendah akan mempengaruhi kecenderungan untuk berfikir dan melakukan salah laku (Noran Fauziah 2009). Memandangkan aspek yang berkaitan dengan motivasi, kecerdasan emosi dan ketahanan ini adalah penting untuk mempersiapkan mahasiswa kerja sosial ke arah profesion kerja sosial yang kompeten, maka kajian ini dijalankan bertujuan untuk mendokumentasi profil mahasiswa kerja sosial dan menganalisis hubungan antara motivasi pencapaian, kecerdasan emosi dan ketahanan diri dalam kalangan mahasiswa kerja sosial di UKM. Hasil kajian boleh dijadikan sumber rujukan penting kepada pihak pengurusan program kerja sosial, UKM ke arah pemantapan karakteristik mahasiswa dan keperluan penyediaan program-program yang boleh meningkatkan keupayaan mahasiswa untuk menjadi pekerja sosial yang mampu mengurus diri dan seterusnya meningkatkan kefungsian sosial masyarakat.

## METODOLOGI KAJIAN

### Rekabentuk Kajian

Kajian berbentuk tinjauan keratan-rintang (*cross-sectional survey*) secara survei dan kuantitatif digunakan dalam kajian. Menurut Creswell (2005) tinjauan keratan-rintang merupakan kaedah pengumpulan data secara sekali sahaja daripada suatu sampel berdasarkan populasi yang dikaji dalam suatu tempoh masa. Reka bentuk kajian ini dipilih kerana pengkaji ingin mengenalpasti hubungan antara motivasi pencapaian, kecerdasan emosi dan ketahanan diri dalam kalangan mahasiswa kerja sosial tahun satu, dua dan tiga di UKM. Manakala, analisis deskriptif adalah analisis statistik yang bertujuan merumuskan ciri-ciri pemboleh ubah sepertimana kajian yang dijalankan memperjelaskan dan merumuskan ciri-ciri pemboleh ubah dalam sesuatu fenomena (Chua 2014). Analisis deskriptif seperti frekuensi, min, mod, median, peratusan dan sisihan piawaian digunakan untuk menjawab objektif kajian yang pertama iaitu mendokumentasikan profil mahasiswa kerja sosial manakala analisis kolerasi pearson digunakan untuk menjawab objektif kajian yang kedua.

## Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan soal selidik yang terdiri daripada empat bahagian bagi mendapatkan data kajian. Berikut adalah instrumen yang digunakan dalam penyelidikan.

- **Bahagian A Mendokumentasikan profil mahasiswa:** diukur dengan menggunakan soalan berkaitan dengan profil mahasiswa kerja sosial yang sedang mengikuti pengajian di UKM. Jenis item yang digunakan bahagian ini adalah berbentuk (1) item pilihan tunggal (*single choice item*) dimana responden diminta untuk membuat pilihan dengan cara menandakan (✓) pada kotak yang disediakan berdasarkan pernyataan item yang sesuai dengan mereka.
- **Bahagian B Motivasi pencapaian:** diukur dengan menggunakan soalan daripada skala motivasi pencapaian (*Achievement Motivation Scale*) yang dibina oleh Cassidy & Lynn (1989), mengandungi 21 soalan dengan menggunakan skala empat Likert iaitu (1) Sangat tidak setuju, (2) Tidak setuju, (3) Setuju dan (4) Sangat setuju. Nilai kebolehpercayaan bagi skala ini adalah kuat iaitu .81.
- **Bahagian C Kecerdasan Emosi:** diukur dengan menggunakan soalan daripada skala kecerdasan emosi (*Emotional Intelligence Scale*) dibina oleh Schuttle et al. (1998), mengandungi 33 soalan dengan menggunakan skala empat Likert iaitu (1) Sangat tidak setuju, (2) Tidak setuju, (3) Setuju dan (4) Sangat setuju. Nilai kebolehpercayaan bagi skala ini adalah kuat iaitu .99.
- **Bahagian D Ketahanan Diri:** diukur dengan menggunakan soalan daripada skala ketahanan diri (*Resilience Scale*) dibina oleh Wagnild & Young (1993), mengandungi 25 soalan berkaitan dengan menggunakan skala empat Likert iaitu (1) Sangat tidak setuju, (2) Tidak setuju, (3) Setuju dan (4) Sangat setuju. Nilai kebolehpercayaan bagi skala ini adalah kuat iaitu .879.

## Populasi dan Sampel Kajian

Dalam kajian ini, populasi kajian merujuk kepada mahasiswa kerja sosial yang mengikuti pengajian di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Saiz sampel adalah terdiri daripada mahasiswa kerja sosial tahun satu (n=46), tahun dua (n=39) dan tahun tiga (n=39) yang sedang mengikuti program pengajian kerja sosial di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia, Kampus Bangi. Keseluruhan mahasiswa yang terlibat dalam kajian ini adalah sejumlah 124 responden yang dipilih secara rawak untuk menjayakan kajian.

## Penganalisaan Data

Data kajian telah dianalisis dengan menggunakan ‘Statistical Package for the Social Science for Windows’ (SPSS for Windows). Statistik deskriptif digunakan untuk menjawab objektif kajian yang pertama manakala analisis kolerasi Pearson digunakan untuk mencapai objektif kajian yang kedua iaitu untuk menganalisis hubungan antara motivasi pencapaian, kecerdasan emosi dan ketahanan diri dalam kalangan mahasiswa kerja sosial di UKM. Interpretasi hubungan korelasi ini adalah berdasarkan kepada Hair, et al. (2010) seperti dalam Jadual 2 berikut:

Jadual 2: Interpretasi hubungan korelasi

Pekali Pearson (r)	Kekuatan Hubungan
0.81-1.00	Sangat Kuat
0.61-0.80	Kuat
0.41-0.60	Sederhana
0.21-0.40	Lemah
0.00-0.20	Sangat Lemah (hampir tiada hubungan)

Sumber: Hair, et al. (2010)

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Profil Demografi Mahasiswa Kerja Sosial

Hasil kajian ini mendapati majoriti mahasiswa yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada mahasiswa yang berumur 23 tahun (33.1 peratus), mahasiswa perempuan (79.0 peratus), berbangsa Melayu (94.4 peratus), beragama Islam (96.0 peratus). Majoriti daripada mereka adalah peminjam tajaan pembiayaan PTPTN (66.1 peratus), memperolehi PNGK antara 3.00 hingga 3.66 (83.1 peratus) dan terdiri daripada kumpulan B40 iaitu keluarga yang berpendapatan isi rumah sekitar RM 500-3860 sebulan (69.4 peratus). Berdasarkan aspek tahun pengajian, hasil kajian menunjukkan majoriti mereka yang terlibat dalam penyelidikan ini adalah terdiri daripada mereka yang sedang berada dalam tahun satu (37.1 peratus). Manakala selebihnya berada dalam tahun dua (31.5 peratus) dan tahun tiga pengajian (31.5 peratus) di Program Kerja Sosial, UKM.

Jadual 3: Profil Demografi Mahasiswa Kerja Sosial

Profil Demografi	(n=124)	Peratus (%)
<b>Umur (tahun)</b>		
19	2	1.6
20	9	7.3
21	32	25.8
22	38	30.6
23	41	33.1
26	2	1.6
<b>Jantina</b>		
Lelaki	26	21.0
Perempuan	98	79.0
<b>Etnik</b>		
Melayu	117	94.4
India	2	1.6
Cina	1	0.8
Lain-lain	4	3.2
<b>Agama</b>		
Islam	119	96.0

Kristian	3	2.4
Buddha	1	0.8
Lain-lain	1	0.8
<b>Tajaan Pengajian</b>		
PTPTN	82	66.1
Biasiswa/ JPA	9	7.3
Pembimbingan Sendiri	31	25.0
Lain-lain	2	1.6
<b>Tahun Pengajian</b>		
Tahun Satu	46	37.1
Tahun Dua	39	31.5
Tahun Tiga	39	31.5
<b>Nilai CGPA</b>		
2.50-2.99	5	4.0
3.00-3.66	103	83.1
3.67-3.89	16	12.9
<b>Pendapatan Isi Rumah (RM)</b>		
500-3860 (B40)	86	69.4
3861-8319 (M40)	31	25.0
8320-15000 (T20)	7	5.6

### **Hubungan antara motivasi pencapaian dengan kecerdasan emosi dalam kalangan mahasiswa kerja sosial di UKM**

Berdasarkan Jadual 4 mengenai analisis korelasi Pearson yang dijalankan untuk menganalisis hubungan antara motivasi pencapaian dengan kecerdasan emosi dalam kalangan mahasiswa kerja sosial di UKM, hasil kajian mendapat terdapat hubungan yang positif, sederhana dan signifikan ( $r=.481^{**}$ ,  $p<0.01$ ) antara motivasi pencapaian dengan kecerdasan emosi dalam kalangan mahasiswa kerja sosial di UKM. Hubungan positif ini memberi maksud bahawa semakin tinggi motivasi pencapaian, maka semakin tinggi kecerdasan emosi yang ditunjukkan oleh mahasiswa kerja sosial di UKM.

Jadual 4: Keputusan korelasi Pearson terhadap hubungan antara motivasi pencapaian dengan kecerdasan emosi dalam kalangan mahasiswa kerja sosial UKM

<b>Pembolehubah</b>	<b>Kecerdasan Emosi</b>	
<b>Motivasi pencapaian</b>	Nilai Korelasi (r)	.481 **
	Aras Signifikan (p)	.000

\*\* Aras signifikan  $\alpha = 0.01$  (2 hujung)

Hasil kajian ini selari dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Monika et al. (2016) yang menunjukkan terdapat hubungan positif, kuat dan signifikan antara kecerdasan emosi dan motivasi pencapaian dalam kalangan pelajar daripada empat kolej yang berbeza di Daerah Muzaffarnagar, India. Berdasarkan kajian tersebut, Monika et al. (2016) menyatakan kecerdasan emosi mempunyai kesan signifikan terhadap motivasi pencapaian dengan menyimpulkan bahawa pelajar yang mempunyai kecerdasan emosi yang lebih tinggi

membawa kepada motivasi pencapaian yang lebih tinggi. Ini kerana, kecerdasan emosi yang lebih tinggi bukan sahaja membantu individu menjadi motivator dalam malah ianya juga dapat meningkatkan keupayaan individu dalam memfokuskan kepada matlamat yang ingin dicapai (Monika et al. 2016). Menurutnya lagi, keupayaan untuk memahami dan memotivasi orang lain serta mempunyai perhubungan yang positif dengan orang lain secara langsung dapat membina ikatan perhubungan yang lebih kuat dengan orang lain. Hal ini demikian, individu yang mempunyai kecerdasan emosi yang lebih tinggi berupaya menjadi pemimpin yang lebih baik dan berkesan dalam memahami dan mengetahu keperluan individu lain sehingga mendorong individu tersebut menunjukkan prestasi yang lebih baik.

### **Hubungan antara kecerdasan emosi dengan ketahanan diri dalam kalangan mahasiswa kerja sosial di UKM**

Berdasarkan Jadual 5 analisis kolerasi pearson berkaitan hubungan antara kecerdasan emosi dengan ketahanan diri dalam kalangan mahasiswa kerja sosial di UKM, hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang positif, kuat dan signifikan ( $r=.674^{**}$ ,  $p<0.01$ ), antara kecerdasan emosi dengan ketahanan diri dalam kalangan mahasiswa kerja sosial di UKM. Hubungan positif ini memberi maksud bahawa semakin tinggi kecerdasan emosi, maka semakin tinggi ketahanan diri yang ditunjukkan oleh mahasiswa kerja sosial di UKM.

Jadual 5: Keputusan kolerasi pearson terhadap hubungan antara kecerdasan emosi dengan ketahanan diri dalam kalangan mahasiswa kerja sosial UKM

Pembolehubah	Ketahanan Diri	
Kecerdasan Emosi	Nilai Kolerasi (r)	Aras Signifikan (p)
	.674**	.000

\*\*Aras signifikan  $\alpha = 0.01$  (2 hujung)

Hasil kajian ini juga selari dengan dapat kajian yang diperolehi oleh Promsri (2019) yang menunjukkan terdapat hubungan positif, sederhana dan signifikan antara kecerdasan emosi dengan ketahanan diri dalam kalangan pelajar antarabangsa dalam program pengajian perniagaan yang terpilih di Universiti Awam Thailand. Menurut Promsri (2019) berdasarkan kajian yang dilakukannya, individu yang menyedari emosi dan perasaan mereka, cenderung untuk berubah secara konstruktif walaupun menghadapi kesukaran. Justeru, individu yang boleh bergaul dengan orang lain dan memahami cara menyelesaikan masalah lebih cenderung untuk mereka berdaya tahan. Sehubungan itu, hasil kajian tersebut dapat disimpulkan bahawa semakin tinggi kadar pelajar yang cerdas secara emosi, maka semakin kuat daya tahan (ketahanan diri) yang mereka miliki.

### **Hubungan antara motivasi pencapaian dengan ketahanan diri dalam kalangan mahasiswa kerja sosial di UKM**

Berdasarkan Jadual 6 analisis kolerasi pearson mengenai hubungan antara motivasi pencapaian dengan ketahanan diri dalam kalangan mahasiswa kerja sosial di UKM, hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang positif, lemah tetapi signifikan ( $r=.229^*$ ,  $p<0.05$ ), antara motivasi pencapaian dengan ketahanan diri dalam kalangan mahasiswa kerja sosial di UKM. Hubungan positif ini memberi maksud bahawa semakin tinggi motivasi pencapaian, maka semakin tinggi ketahanan diri yang ditunjukkan oleh mahasiswa kerja sosial di UKM.

Jadual 6: Keputusan kolerasi pearson terhadap hubungan motivasi pencapaian dengan ketahanan diri dalam kalangan mahasiswa kerja sosial UKM

Pembolehubah	Ketahanan Diri
Motivasi pencapaian	.229*
Nilai Kolerasi (r)	.010
Aras Signifikan (p)	

\* Aras signifikan  $\alpha = 0.05$  (2 hujung)

Hasil kajian ini selari dari penemuan kajian Arora (2015) yang menunjukkan bahawa terdapat hubungan linear yang positif antara motivasi pencapaian dengan ketahanan diri dalam kalangan pelajar atlet dari Universiti Awam Serantau di Selatan Texas. Menurut Arora (2015) mendapati kesungguhan pelajar atlet dalam mencapai keunggulan akan mempunyai keupayaan yang lebih tinggi untuk bangkit dari situasi yang sukar. Justeru itu, fikiran dan tingkah laku pencapaian dilihat sebagai sumber daya tindak yang penting untuk mengatasi halangan yang wujud.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati terdapat hubungan yang positif antara motivasi pencapaian dengan kecerdasan emosi dalam kalangan mahasiswa kerja sosial di UKM. Hasil kajian ini juga mendapati kecerdasan emosi dan motivasi pencapaian menunjukkan hubungan yang signifikan dengan ketahanan diri dalam kalangan mahasiswa kerja sosial di UKM. Hasil kajian ini menyimpulkan bahawa untuk memastikan ketahanan diri mahasiswa kerja sosial adalah baik, maka aspek-aspek berkaitan dengan kecerdasan emosi dan motivasi perlu diambilkira kerana aspek tersebut mempunyai perkaitan dengan ketahanan diri mahasiswa. Lebih tinggi kecerdasan emosi dan motivasi yang ditunjukkan oleh mahasiswa kerja sosial maka lebih tinggi ketahanan diri yang dimiliki oleh mahasiswa kerja sosial. Ketahanan diri merupakan aspek penting untuk melahirkan mahasiswa kerja sosial yang bukan sahaja berilmu dan berakhhlak mulia malah mampu menyesuaikan diri untuk berhadapan dengan tekanan dan melawan pengaruh yang menghalang kepada kemajuan diri. Memandangkan profesi kerja sosial ini merupakan profesi yang membantu menyelesaikan masalah komuniti, meningkatkan kesejahteraan dan kefungsian sosial masyarakat, maka aspek-aspek ketahanan diri, motivasi dan kecerdasan emosi perlu dititikberatkan. Dapatkan kajian dilihat membantu menyediakan maklumat asas yang berguna kepada pihak pengurusan program kerja sosial di UKM dalam merancang dan merangka beberapa program berimpak yang boleh memperkasa ketahanan diri dan pembangunan diri mahasiswa untuk mempersiapkan diri mereka menjadi pekerja sosial yang kompeten. Program pemerkasaan motivasi diri, pembangunan insan dan pemantapan ketahanan diri antara program yang dicadangkan untuk diwujudkan bagi memperkasa motivasi pencapaian, kecerdasan emosi dan ketahanan diri dalam kalangan mahasiswa kerja sosial supaya mereka mampu berdaya saing dalam berhadapan dengan cabaran dalam dunia pekerjaan pada masa hadapan.

## RUJUKAN

Aimi Shafika Shoupi. (2015). Hubungan Antara Penglibatan Ibu bapa dan Motivasi Pencapaian Pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik di UITM Shah Alam. Tesis Ijazah Sarjana Sains Sosial (Psikologi Kaunseling). Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Amalia Fitriyah Zaini. (2013). Hubungan Antara Kecerdasan Emosi dan Pencapaian Akademik Terhadap Strategi Daya Tindak pada Pelajar Fakulti Sains Sosial.
- Arora, S. 2015. Achievement motivation and resilience among student athletes. Doctoral Dissertation. Retrieved from ProQuest Dissertations and Thesis database. (ProQuest document ID: AA13739175).
- Azrina Mohd Khir. (2010). Hubungan antara sistem nilai dengan sikap dan motivasi pencapaian komuniti melayu miskin bandar dan luar bandar. Tesis Ijazah Sarjana Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Cassidy, T., & Lynn, R. (1989). A multifactorial approach to achievement motivation: The development of a comprehensive measure. *Journal of Occupational Psychology*, 62(4), 301–312.
- Chua Yan Piaw. (2014). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Asas Statistik Penyelidikan (3rd Ed)*. Mc Graw Hill Education.
- Creswell, J.W. (2005). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research (Second Ed)*. Upper Saddle River, NJ: Pearson Education Inc./Merril Prentice Hall.
- Fatimahwati Halim. (2012). *The influence of personality, achievement motivation and self efficacy towrd job performance: Testing a predictive job performance model*. (Phd thesis dissertation). Psychology Program. Graduate Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fauziah Ibrahim, Nazirah Hassan & Werdi Werdina. (2018). Mengukur tahap ketahanan diri mahasiswa B40 dalam kalangan pelajar universiti. *Jurnal Personalia Pelajar*, 21(1): 19-27.
- Goleman, D. (1995). *Emotional Intelligence*. Bantam Book. New York.
- Gardner, H. (2000). Intelligence reframed: multiple intelligences for the 21st century. New York: NY, Basic Books
- Hair, J.F., Black, W.C., Babin, B.J., & Anderson, R.E. (2010). Multivariate Data Analysis. Seventh Edition. Prentice Hall, Upper Saddle River, New Jersey.
- Kinman, G. & Grant, L. (2010). Exploring stress resilience in trainee social workers: the role of emotional and social competencies. *British Journal of Social Work*, 41(2): 261-275.
- Maya, C. (2001). *Factors affecting the achievement motivation of high school students in Maine*. University of Southern Maine.
- Marini Kasim & Nor Shafrin Ahmad. (2019). Ketahanan diri akademik dalam kalangan murid daripada ibu bapa bercerai. *Malaysian Journal of Learning and Instructions*, 16(1), 233-256.
- Mayer, J. d., Salovey, P., & Caruso, D. R. (2000). Models of emotional intelligence. In R. J. Sternberg (Ed.). *Handbook of Intelligence*. Cambridge, England: Cambridge Universitiy Press.
- Monika Agarwal, Raj Kamal and S. P. Singh. (2016). The Relationship of Emotional Intelligence to Achievement Motivation. *The International Journal of Business & Management*, Vol 4. Issue 4 (1-4).
- Nazihah Kamarudin, Fauziah Ibrahim & Nur Saadah Mohamad Aun. (2019). Tingkah laku beretika dan keupayaan kepimpinan dalam kalangan mahasiswa tahun akhir program kerja sosial. *Journal of Social Science and Humaities*. Vol. 16, No. 16 1-13.
- Nazihah Kamarudin, Fauziah Ibrahim & Nur Saadah Mohamad Aun. (2020). Faktor – Faktor yang Mempengaruhi Komunikasi Interpersonal dalam Kalangan Mahasiswa Kerja Sosial di Universiti Awam di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*. 36(2), 52-70.

- Noran Fauziah Yaakub, Fatimah Haron & Ahmad Jazimin Jusoh. (2009). *Manual Guru: Pencegahan Buli di Sekolah*. Utusan Publication and Distributors Sdn Bhd. Kuala Lumpur.
- Nelson, D. & Low, G. (2003). Emotional intelligence: Achieving academic and career excellence. Pearson Higher Education: Upper Saddle River, NJ.
- Ooi Yeng Kiet. 2002. Kepentingan kecerdasan emosi (EQ) dalam organisasi masa kini. Kertas Kerja Kecerdasan. Universiti Utara Malaysia.
- Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2016). Laporan Statsitik Tahunan.  
[http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/full2&id=U0dpTUVpRXlyYUIFVFFLUMvNvUVJUDz09&menu\\_id=R3FNa05sRjVTWUc5dy80VEUxU2VNQT09](http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/full2&id=U0dpTUVpRXlyYUIFVFFLUMvNvUVJUDz09&menu_id=R3FNa05sRjVTWUc5dy80VEUxU2VNQT09) [17 December 2019].
- Promsri, C. (2019). The Linkage between Emotional Intelligence and Self-Resilience among International Student in Business Program at a Selected Public University in Thailand. *Academy of Social Science Journal*. Vol. 4. Issues. 02, 1255-1259.
- Rajesh, S. (2016). The Impact of Intrinsic and Extrinsic Motivators on Employee Engagement in Information Organizations. *Journal of Education for Library and Information Science*, Vol. 57(2): 197-206
- Russell, J., & Russell, L. (2006). The 2006 Pfeiffer Annual Training: measuring employee resilience. Russell Consulting, Inc. USA.
- Ryan, R. M., & Deci, E. L. (2000). Self-determination theory and the facilitation of intrinsic motivation, social development, and well-being. *American Psychologist*, 55(1), 68–78.
- Salovey, P. & Mayer, J. D. (1990). Emotional intelligence. *Imagination, cognition and personality*, 9, 185-211.
- Siti Hajar Mohamad Yusoff. (2017). Pengaruh Keluarga Terhadap Pengherotan Kognitif Pelajar dan Ketahanan Diri sebagai Perantara. Tesis Ijazah Sarjana Doktor Falsafah. Universiti Utara Malaysia.
- Schutte, N.S., Malouff, J.M., Hall, L.E., Haggerty, D.J., Cooper, J.T., Golden, C.J., et al. (1998). Development and validation of a measure of emotional intelligence. *Personality and Individual Differences*, 25, 167-177.
- Wan Samhanin Sulaiman. (2019). Pengaruh Gaya Perapatan, Gaya Keibubapaan, Strategi daya tindak dan ketahanan diri ke atas kepuasaan hidup remaja di daerah Petaling Selangor. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wagnild, G. M., & Young, H. M. (1993). Development and psychometric evaluation of the Resilience Scale. *Journal of Nursing Measurement*, 1(2), 165–178.

## MAKLUMAT PENULIS

### MASRON MENSIH

Program Kerja Sosial  
Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
43600 Universiti Kebangsaan Malaysia  
masronmensih@gmail.com

### FAUZIAH IBRAHIM

Program Kerja Sosial  
Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
43600 Universiti Kebangsaan Malaysia  
[ifauziah@ukm.edu.my](mailto:ifauziah@ukm.edu.my)

**NAZIRAH HASSAN**  
Program Kerja Sosial  
Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
43600 Universiti Kebangsaan Malaysia  
[nazirah@ukm.edu.my](mailto:nazirah@ukm.edu.my)